

## CIRI PERNIAGAAN UNTUK PEMILIK SYARIKAT JENIS MILIKAN TUNGGAL

### Soalan Lazim

**S1: Adakah HLB Connect mempunyai sebarang ciri-ciri yang boleh membantu pemilik perniagaan kecil menjalankan perniagaannya?**

**J1:** Ya. HLB Connect menawarkan ciri **Kerani Pentadbiran (Admin Clerk)** untuk pemilik tunggal/pemilik perniagaan kecil. Ia **merupakan fungsi pilihan yang ada hanya pada HLB Connect Online** dan ditawarkan tanpa sebarang bayaran. Anda boleh menetapkan seorang (1) Kerani Pentadbiran bagi setiap Akaun Perniagaan anda.

Kerani Pentadbiran anda boleh membantu anda dalam memulakan transaksi pembayaran/pindahan kepada pembekal/pengebil dan anda hanya perlu meluluskannya. Kami mengesyorkan anda **memuat turun HLB Connect App** di [www.hlb.com.my/app](http://www.hlb.com.my/app) untuk meluluskan permintaan ini dengan mudah dan di mana sahaja melalui AppAuthorise.

**Belum lagi daftar di HLB Connect?** Ikuti langkah-langkah ini untuk mendaftar:

- **Langkah 1:** Daftar menggunakan bukti kelayakan Individu/Peribadi (iaitu NRIC) di <https://www.hlb.com.my/signup>
- **Langkah 2:** Log masuk ke HLB Connect Online di [www.hongleongconnect.com](http://www.hongleongconnect.com). Anda akan dapat lihat dan membuat transaksi dengan kedua-dua Akaun Individu/Peribadi dan Perniagaan anda semasa log masuk

*Nota: Jika anda mempunyai HLB Connect yang telah didaftarkan sebelum ini menggunakan nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN), anda hanya boleh mengakses ciri ini selepas peningkatan aplikasi seterusnya.*

**S2: Apakah fungsi yang tersedia untuk Pemilik Tunggal/Pemilik Perniagaan dan Kerani Pentadbiran?**

**J2:**

#### Pemilik Tunggal/Pemilik Perniagaan (Pelulus)

- Tambah, lihat, edit, tukar, buang, tetapkan** Kerani Pentadbiran
- Tetapan jenis transaksi yang boleh dilakukan** oleh Kerani Pentadbiran dan **tetapan had**
- Meluluskan atau menolak transaksi tunggal/pukal** yang dimulakan oleh Kerani Pentadbiran
- Terima pemberitahuan pos transaksi** melalui HLB Connect App/emel/SMS

#### Kerani Pentadbiran (Pembuat)


- Memulakan transaksi pembayaran / pindahan:**
  - **Pindahan Akaun Sendiri** (Pemindahan antara akaun perniagaan yang sama)
  - **Pindahan kepada Orang Lain** ( Pindahan daripada Akaun Perniagaan kepada HLB Pihak Ketiga CASA/CASA-i, DuitNow kepada Akaun, IBG kepada Akaun Bank Lain dan Duit Now kepada nombor Telefon Mudah Alih/ID lain
  - **Pembayaran Bil**
- Lihat/ muat turun penyata akaun.**
- Tukar Kata Laluan & Gambar Keselamatan.**
- Tukar Soalan & Jawapan Keselamatan.**
- Tambah Kegemaran** untuk Pemindahan dan Pembayaran Bil (Akaun Benefisiari/Penerima, Mudah Alih & Pengebil)

*Nota: Proses Pembuat–Pelulus diperlukan setiap kali Kerani Pentadbiran melaksanakan sebarang transaksi Kewangan.*

**S3: Bagaimanakah cara untuk menambah Kerani Pentadbiran?**

**J3:** Hanya Pemilik Tunggal/Pemilik Perniagaan sahaja yang boleh menambah Kerani Pentadbiran. Ini caranya:

- **Langkah 1:** Klik pada Akaun Perniagaan yang anda ingin tetapkan pada Kerani Pentadbiran.
- **Langkah 2:** Pada halaman '**Business Account**', klik '**Add**' untuk mencipta kelayakan log masuk HLB Connect untuk Kerani Admin anda.



- **Langkah 3:** Sediakan yang berikut untuk Kerani Pentadbiran anda:
  - i) **Butiran Kerani Pentadbiran** (iaitu Nama, nombor Telefon Mudah Alih, Alamat emel & Tarikh Lahir)
  - ii) **Butiran log masuk HLB Connect** Kerani Pentadbiran (iaitu Nama Pengguna, Kata Laluan & Gambar Keselamatan)
  - iii) Tetapkan **had harian yang diperlukan** dan **akses kepada fungsi/transaksi yang dibenarkan**
- **Langkah 4:** Semak butiran dan masukkan enam digit TAC yang dihantar ke Telefon Mudah Alih anda yang berdaftar dengan Bank.

Sebagai peringatan apabila menetapkan butiran log masuk untuk Kerani Pentadbiran anda:

- **JANGAN** gunakan kata laluan yang sama seperti log masuk HLB Connect individu anda.
- **JANGAN** gunakan kata laluan yang sama untuk Kerani Pentadbiran yang berbeza.

**S4: Bagaimanakah Kerani Pentadbiran saya boleh bermula?**

**J4:** Kerani Pentadbiran anda perlu menggunakan butiran log masuk yang dibuat oleh anda dan log masuk di [www.hongleongconnect.com](http://www.hongleongconnect.com). Apabila melakukan **log masuk kali pertama**, sistem akan menggesa Kerani Pentadbiran anda untuk menukar Kata Laluannya dan menyediakan Soalan & Jawapan Keselamatan yang unik untuk dia sahaja.


Proses ini juga boleh digunakan apabila anda:

- i) Menetapkan butiran log masuk Kerani Pentadbiran yang baharu
- ii) Memberi akses untuk Kerani Pentadbiran
- iii) Menetapkan semula butiran log masuk Kerani Pentadbiran kerana terlupa Nama Pengguna/Kata Laluan


**S5: Bagaimanakah Kerani Pentadbiran saya memulakan transaksi pada HLB Connect Online?**

**J5:** Ini caranya:

- **Langkah 1:** Log masuk di [www.hongleongconnect.com](http://www.hongleongconnect.com)
- **Langkah 2:** Klik pada '**Pay & Transact**' dan pilih submenu yang berkaitan untuk memulakan bayaran/pindahan




- **Langkah 3:** Mulakan transaksi pembayaran/pindahan dengan sewajarnya dan hantar untuk diluluskan oleh Pemilik Tunggal/ Pemilik Perniagaan Kecil. Status urus niaga akan dipaparkan sebagai **'Pending Owner Approval'**



**S6:** Bagaimanakah cara saya meluluskan atau menolak transaksi yang dimulakan oleh Kerani Pentadbiran saya di HLB Connect?

**J6:** Anda perlu meluluskan transaksi **dalam masa 7 hari** (dikira termasuk Hujung Minggu & Cuti Umum) daripada tarikh permintaan yang dibuat oleh Kerani Pentadbiran anda, jika tidak, ia akan dibatalkan.

- **Langkah 1:** Klik pada **'Business Account'**. Anda akan melihat butang yang mengatakan **'Pending Approval'**



- **Langkah 2:** Dalam halaman **'Requests'**, anda boleh memilih dengan mengklik di kotak pilihan transaksi tunggal atau pukal (maksimum 5 transaksi akan disenaraikan) untuk **'Approve'** atau **'Reject'**

Home >> Requests

**SARAH'S NASI LEMAK**

Requestor	Transaction Type	Description	Expiry Date	Amount (MYR)	
Admin Clerk Current Account -	3rd Party HLB Account	<b>Recipient Detail</b> YAN'S COFFEE HOUSE HONG LEONG BANK Current/Savings <b>Recipient Reference</b> Fund transfer <b>When to Transfer:</b> Now <b>Total Amount Charge (MYR):</b> 10.00	02-Sep-2022	10.00	<input checked="" type="checkbox"/>
Admin Clerk Current Account -	Bill Payment	<b>Biller Details</b> TM-UNIFI Biller Code: : Ref-1: Ref-2: <b>When to Transfer:</b> Now	02-Sep-2022	1.00	<input checked="" type="checkbox"/>

< 1-2 of 2 >

- **Langkah 3:** Sebaik sahaja anda mengklik **'Approve'**, halaman pengesahan akan muncul. Sebagai pemilik akaun, anda dikehendaki meluluskan transaksi anda melalui AppAuthorise pada HLB Connect App

Home >> Requests

1 REQUEST DETAILS    2 CONFIRM DETAILS    3 REQUEST SUMMARY

Please confirm that you would like to approve the requests below.

Requestor	Transaction Type	Description	Expiry Date	Amount (MYR)
Admin Clerk Current Account -	3rd Party HLB Account	<b>Recipient Detail</b> YAN'S COFFEE HOUSE HONG LEONG BANK Current/Savings : <b>Recipient Reference</b> Fund transfer <b>When to Transfer:</b> Now <b>Total Amount Charge (MYR):</b> 10.00	02-Sep-2022	10.00
Admin Clerk Current Account -	Bill Payment	<b>Biller Details</b> TM-UNIFI Biller Code: Ref-1: Ref-2: <b>When to Transfer:</b> Now	02-Sep-2022	1.00

**Total Amount (MYR)** 11.00

Resend AppAuthorize    Via Connect App   

**AppAuthorise**

**Transaction**  
26 Aug 2022 02:02PM

(Biz Acc) Your approval of 2 requests with total amount of RM11.00 requires authorisation.

This transaction will be processed once authorised.

- **Langkah 4:** Klik **'Sahkan' (Approve)** atau **'Tolak' (Reject)** di **AppAuthorise** pada **HLB Connect App** anda. Jika anda telah meluluskan berbilang transaksi pada satu masa, anda akan melihat ringkasan nilai transaksi anda
- **Langkah 5:** Semak HLB Connect Online untuk melihat status akhir transaksi anda

**S7: Bolehkah saya masih membuat pemindahan/pembayaran daripada Akaun Perniagaan setelah diberikan kepada Kerani Pentadbiran saya?**

**J7:** Ya, boleh. og masuk seperti biasa menggunakan butiran log masuk Individu/Peribadi anda untuk melakukan transaksi daripada Akaun Perniagaan anda.


**S8: Bagaimanakah saya boleh memberi atau membuang akses Kerani Pentadbiran saya?**

**J8:** Ini caranya:


i) **'Beri' akses Kerani Pentadbiran**

Jika sebelum ini anda telah membuang akses Kerani Pentadbiran yang sedia ada, ikut langkah di bawah untuk membolehkan/mengaktifkan semula:

- **Langkah 1:** Klik pada Akaun Perniagaan yang anda ingin bolehkan/aktifkan semula akses Kerani Pentadbiran
- **Langkah 2:** Pada halaman **'Business Account'** , klik **'Manage'** di bawah nama Kerani Pentadbiran yang sedia ada. Anda akan melihat bahawa status profil ialah **'Disabled'**




- **Langkah 3:** Pada halaman **'Manage Admin Clerk'**, skrol ke bawah ke **'Profile Status'** dan klik **'here'** untuk membolehkan akses. Sekiranya anda ingin menukar had harian/akses fungsi, klik **'Edit Details'** di bawah **'Account & Permission Settings'**



- **Langkah 4:** Semak butiran dan masukkan enam digit TAC yang dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan Bank

ii) **'Buang' akses Kerani Pentadbiran**


- **Langkah 1:** Klik pada **'Business Account'** yang anda ingin buang akses Kerani Pentadbiran
- **Langkah 2:** Pada halaman **'Business Account'**, klik **'Manage'** di bawah nama Kerani Pentadbiran sedia ada. Anda juga akan melihat bahawa status profil ialah **'Active'**



Home >> Account Details >> Business Account

Business	SARAH'S NASI LEMAK	Admin Clerk	SARAH CHONG <a href="#">Manage</a>
Account	<input type="text"/> Current Account	Profile Status	Active
Status	Active		
Locked Amount (MYR)	<a href="#">100.00</a>		

- **Langkah 3:** Pada halaman **'Manage Admin Clerk'**, skrol ke bawah ke **'Profile Status'** dan klik **'here'** untuk membuang akses



Home >> Business Account >> Manage Admin Clerk

**SARAH'S NASI LEMAK** [Change Admin Clerk](#)

Name as per NRIC/Passport SARAH CHONG

Profile Status **Active**  
To disable this Admin Clerk, click [here](#).


Account and permission settings [Edit Details](#)

**S9:** Bagaimanakah cara saya menukar kepada Kerani Pentadbiran baharu?

**J9:** Ini caranya:


i) **'Tukar' akses kepada Kerani Pentadbiran yang lain**

- **Langkah 1:** Klik pada **'Business Account'** yang anda ingin tukar/pindah akses
- **Langkah 2:** Pada halaman **'Business Account'**, klik **'Manage'** di bawah nama Kerani Pentadbiran yang sebelum. Pada halaman **'Manage Admin Clerk'**, pilih **'Change Admin Clerk'**



Home >> Account Details >> Business Account

Business	SARAH'S NASI LEMAK	Admin Clerk	SARAH CHONG <a href="#">Manage</a>
Account	<input type="text"/> Current Account	Profile Status	Active
Status	Active		
Locked Amount (MYR)	<a href="#">100.00</a>		




- **Langkah 3:** Sediakan butiran baharu untuk Kerani Pentadbiran baharu anda:
  - i) **Butiran Kerani Pentadbiran** (iaitu Nama, Nombor Mudah Alih, Alamat E-mel & Tarikh kelahiran)
  - ii) **Butiran log masuk Kerani Pentadbiran HLB Connect** (iaitu Nama Pengguna, Kata Laluan & Gambar Keselamatan)
  - iii) **Tetapkan jenis transaksi yang boleh dilakukan dan had transaksi**
- **Langkah 4:** Semak butiran dan masukkan enam digit TAC yang dihantar ke nombor mudah alih anda yang berdaftar.

**S10: Bagaimanakah cara saya menetapkan semula kelayakan log masuk Kerani Pentadbiran saya?**

**J10:** Ikuti langkah di bawah untuk reset jika Kerani Pentadbiran anda terlupa Nama Pengguna/Kata Laluan beliau dan akses telah dibuang. Hanya Pemilik Tunggal/Pemilik Perniagaan boleh melakukan reset.

- **Langkah 1:** Pada halaman '**Business Account**', klik '**Manage**' di bawah nama Kerani Pentadbiran
- **Langkah 2:** Pada halaman '**Manage Admin Clerk**', skrol ke bawah ke '**Profile Status**' dan klik '**here**' untuk membolehkan akses



- **Langkah 3:** Sebagai amalan keselamatan yang baik, anda akan dikehendaki untuk **menetapkan butiran log masuk HLB Connect Kerani Pentadbiran yang BAHARU** (iaitu Nama Pengguna, Kata Laluan & Gambar Keselamatan)
- **Langkah 4:** Semak butiran dan masukkan enam digit TAC yang dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar dengan Bank

**S11: Adakah fungsi Kerani Pentadbiran selamat, memandangkan dia akan mempunyai akses kepada Akaun Perniagaan saya?**

**J11:** Ya, ia adalah selamat. Fungsi Kerani Pentadbiran terhad kepada transaksi/fungsi yang dibenarkan mengikut tetapan anda. Anda boleh menukar tetapan seperti yang diperlukan. Tambahan pula, perlu diluluskan oleh anda.

Sebagai peringatan, apabila anda menerima notis pemberitahuan untuk meluluskan sebarang transaksi, sentiasa semak butiran transaksi adalah betul sebelum meluluskannya.